



[Home](#) / [2025](#) / [January](#) / Majlis Anugerah Kualiti dan Apresiasi Staf FPA 2023

## GRU2025

08/01/2025 / NUR SURAYA ABDULLAH



JASIN, 18 Disember – Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka, Kampus Jasin, telah menganjurkan Majlis Anugerah Kualiti dan Apresiasi Staf 2023 dengan penuh gemilang. Majlis yang berlangsung pada 18 Disember ini dihadiri oleh Dekan, Timbalan-timbalan Dekan, Ketua Pusat Pengajian, Ketua Unit, barisan koordinator, serta seluruh warga fakulti.

Majlis tersebut bertujuan menghargai usaha dan komitmen staf FPA yang telah menyumbang kepada peningkatan kualiti serta kecemerlangan fakulti dalam pelbagai bidang. Dengan membawa tema “Berkualiti Dalam Setiap Peranan, Cemerlang Dalam Setiap Pencapaian”, sebanyak 44 kategori anugerah telah diberikan kepada individu yang menunjukkan dedikasi tinggi dalam mencapai tahap kecemerlangan kerja.

Antara yang menjadi tumpuan ialah penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023, yang turut diraikan dalam acara tersebut. Penganjuran majlis ini diharapkan dapat menjadi platform penting untuk memotivasi warga fakulti serta mengiktiraf pencapaian mereka.

FPA yakin majlis seperti ini mampu menjadi pemangkin untuk merealisasikan misi dan visi UiTM ke arah kecemerlangan institusi. Tahniyah diucapkan kepada semua penerima anugerah atas usaha dan pencapaian yang membanggakan.

Penulis: Nur Suraya Abdullah, Nurulhuda Abdul Rahim, Saaidah Hj Jantan



Tags: [Anugerah Kualiti dan Apresiasi Staf](#), [Pakar Pengajaran dan Agroteknologi \(PAPA\)](#), [UNIT KUALI PAPA](#), [Universiti Teknologi Mara \(UiTM\) cawangan Melaka kampus Jasin](#)

← : Mahasiswa UiTM Shah Alam Menerapkan Kesedaran Keselamatan Siber kepada Komuniti Kampung Budiman

Kunjungan Hormat MPP Sesi 2024/2025 ke Institut Kepimpinan Pelajar (IKP) >

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor Darul  
Ehsan  
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

